

Bah memburuk jika monsun bertembung La Nina, air pasang besar

PUTRAJAYA – Risiko banjir yang lebih buruk boleh berlaku sekiranya musim Monsun Timur Laut (MTL) tahun ini berlaku serentak dengan fenomena La Nina dan air pasang besar.

Pakar alam sekitar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Haliza Abdul Rahman berkata, unjuran Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) turut menunjukkan potensi La Nina berada pada ta-

hap tinggi, sekali gus mencetuskan hujan ekstrem dan berpanjangan sepanjang musim monsun.

"Saya jangka tahun ini banjir akan jadi lebih teruk kerana potensi La Nina sangat tinggi. Apabila MTL tiba, memang hujan lebat akan berlaku ditambah dengan La Nina, ia akan memburukkan lagi keadaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, La Nina cende-

rung menyebabkan hujan berlaku dalam tempoh lebih lama berbanding musim biasa, sekali gus meningkatkan risiko limpahan sungai dan banjir kilat di kawasan rendah.

"Fenomena ini menjadikan hujan sangat ekstrem dan berpanjangan. Kesan itu menyeluruh terutama di Sabah, Sarawak, negeri Pantai Timur dan Kedah," jelasnya.

Haliza menjelaskan, risiko bah-

besar seperti tahun 2014 boleh berlaku namun beliau menjangkakan banjir tahun ini tidaklah seburuk itu.

Jelasnya, setakat ini tiada ramalan rasmi dikeluarkan agensi berkaitan mengenai air pasang besar, namun sebarang kemungkinan perlu diperhatikan kerana ia boleh menghalang air banjir daripada surut.

"Sekarang ini kita belum ada lagi ramalan air pasang besar.

Kalau empat faktor berlaku serentak, risikonya ada," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa unjuran MetMalaysia hujan lebat berpanjangan pada akhir Disember hingga Januari, tempoh ketika La Nina dijangka memuncak.

"Banjir kemungkinan besar berpanjangan sebab sekarang hanya MTL. Bila masuk Disember ke Januari, La Nina datang. Itu yang lagi teruk," katanya.